

KUKTEN, PAHANG BERSAMA

Jalin kerjasama bangun
negeri dalam pelbagai bidang

Oleh Asrol Awang
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Laungan 'Kerana-namu Malaysia' saja tidak bermakna tetapi harus diiringi dengan usaha yang jitu bagi mencapai kejayaan pada masa depan.

Dalam membantu memperkasakan negeri ini, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) bersama kerajaan negeri menjalin usaha sama bagi membangunkan industri bioteknologi, menghasilkan Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Pahang.

Rektor Kuktem, Prof Dr Mohd Said Mat Lela, berkata justeru, Kuktem akan terus mewujudkan rangkaian jalinan usaha sama dalam pelbagai bidang, terutama dengan kerajaan negeri, pihak industri dan peringkat antarabangsa.

Katanya, sebenarnya, Kuktem sudah dan terus melaksanakan pelbagai usaha demi merealisasikan kehendak dan aspirasi negara ke arah kemajuan global, terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

"Usaha kerajaan menuhkan 'Universiti Pengkhususan' iaitu Kuktem adalah

supaya negara dapat melahirkan ahli teknokrat, jurutera dan cendekiawan dalam kedua-dua bidang terbabit.

"Ia adalah semata-mata supaya kita tidak perlu lagi bergantung kepada pakar dalam bidang berkenaan daripada bangsa luar.

"Ini bermakna kita perlu mempunyai bangsa yang berilmu kerana dengan ilmu itu kita dapat membangunkan bukan saja diri sendiri, malah agama, bangsa dan negara.

"Menyedari hakikat itulah, kerajaan memilih cogan 'Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan' sebagai tema perarakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara ke-48," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian program sambutan bulan kemerdekaan peringkat kolej itu oleh Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob di Dewan Kuktem, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Adnan berharap usaha Kuktem menyambut bulan kemerdekaan di peringkat universiti dapat dilakukan institusi pengajian tinggi awam dan swasta lain pada masa depan.